

SOALAN NO. 335

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH**

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN :

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
menyatakan sejauh mana Kementerian melihat kepentingan melakukan
pemeriksaan kesihatan mental kepada pasangan yang ingin berkahwin
sebagai salah satu syarat wajib bagi mengurangkan kes-kes penderaan
serta keganasan rumah tangga, adakah ia satu keperluan pada ketika ini.

88

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes penderaan serta keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Merujuk kepada statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 19,892 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan sejak tahun 2014 hingga September 2017.

Bagi membendung kes penderaan dan keganasan rumah tangga yang berlaku, Kerajaan telah menggubal Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 untuk memberi perlindungan kepada ahli keluarga. Akta ini telah dipinda sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2012 dan terkini pada tahun 2017 dan telah pun mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 15 September 2017 dan telah diwartakan sebagai Akta A1538 pada 21 September 2017. Pindaan ini akan berkuat kuasa selepas YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menetapkan tarikh kuat kuasa Akta.

Pindaan kali kedua RUUKRT bertujuan untuk mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa dan membantu memulihkan institusi kekeluargaan. Antara pindaan utama ialah memperluaskan takrifan keganasan rumah tangga untuk turut meliputi perlakuan menggelapkan harta, mengugut dan berkomunikasi melalui apa-apa cara termasuk menggunakan medium elektronik untuk mengaibkan mangsa. Pindaan 2017 turut memperkenalkan Perintah Perlindungan Kecemasan bagi membantu mangsa dalam situasi kecemasan yang memerlukan perlindungan segera.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, dari tahun 2014 hingga 2016 kes keganasan rumah tangga yang berpunca daripada kesihatan mental ialah 1.1%. Faktor panas baran, perselisihan faham dan masalah kewangan yang dihadapi oleh pasangan merupakan faktor utama kes-kes keganasan rumah tangga sepanjang tempoh berkenaan.

Tuan Yang Dipertua,

Pemeriksaan kesihatan sebelum berkahwin telah dilaksanakan oleh kebanyakan negara di dunia. Namun, pemeriksaan kesihatan yang dijalankan adalah terhadap kepada terhadap penyakit genetik seperti penyakit

90

Talasemia, HIV/AIDS dan penyakit menular termasuk *Sexually Transmitted Disease* (STD) dan tidak termasuk pemeriksaan kesihatan mental. Pemeriksaan kesihatan mental hanya mencerminkan keadaan individu pada waktu tertentu dan tidak dijamin untuk jangka panjang.

Walaupun pemeriksaan kesihatan mental tidak begitu diberi penekanan kepada pasangan yang ingin berkahwin, inisiatif individu boleh diambil. Pemerhatian terhadap tingkah laku pasangan perlu dibuat secara rasional sepanjang tempoh perkenalan dan perkahwinan. Tahap kesihatan mental individu tidak hanya boleh dinilai melalui pemeriksaan kesihatan malah perilaku dan perangai turut memberi gambaran terhadap kesihatan mental individu. Oleh yang demikian, pasangan perlu peka terhadap perubahan tingkah laku dan mendapatkan pengesahan serta rawatan dari hospital sekiranya pasangan menunjukkan sebarang perubahan tidak wajar.

Tuan Yang Dipertua,

KPWKM berpandangan pada masa ini keperluan untuk melakukan pemeriksaan kesihatan mental kepada pasangan yang ingin berkahwin bukan suatu perkara yang mandatori memandangkan kes keganasan rumah

tangga yang berpunca daripada masalah kesihatan mental adalah rendah dan faktor hak individu untuk membuat pilihan pasangan. Kerajaan tidak boleh melarang pasangan yang ingin berkahwin atas dasar suka sama suka walaupun salah seorang pasangan mempunyai masalah mental. Dalam hal ini, KPWKM tiada halangan sekiranya pemeriksaan kesihatan mental dibuat secara sukarela atas kehendak pasangan itu sendiri.